

ABSTRACT

The leadership field has aroused a distinctive interest due to its human influence in organizations. Hence, strengthening leadership effectiveness has emerged as a core concern in all organizations, including schools. However, numerous reports have demonstrated that poor efforts to strengthen leadership effectiveness in schools resulted in a loss of money and resources, as well as a failure to improve student performance in international assessments. Failures in organizations were probably triggered by an overemphasis on leaders and a disregard for other organizational elements such as followers. In reality, leadership and followership complemented each other in the pragmatic success of an organization. Unfortunately, there are relatively few studies have explored the potential effects of followership on leadership effectiveness, particularly in schools. The purpose of this study was to examine the relationship between Teachers' Followership Dimensions and Principals' Leadership Effectiveness in Malaysian public secondary schools with a follower-centric approach. The survey approach was employed in this quantitative study, with data collected using Google Form. Respondents were chosen via proportionate stratified random sampling from 43 public secondary schools in Sarawak. A total of 418 valid questionnaires were analysed with IBM-SPSS version 25.0 and IBM-SPSS-AMOS version 24.0 statistical software. Both Exploratory Factor Analysis and Confirmatory Factor Analysis were conducted to explore and confirm the underlying components for this study. Subsequently, a full-fledged Structural Equation Modeling was performed to answer all the research questions, test hypotheses, and assess the model fit of the data obtained. The findings revealed that teachers rate themselves as having high levels of followership dimensions such as Assume Responsibility, Serve, Take Moral Action and Participate in Transformation, but only moderate levels of Challenge. They also perceived their principals practised at a high level on all three components of Principals' Leadership Effectiveness, namely Setting Directions, Developing

People and Leader Dispositions. The findings also indicated that Teachers' Followership Dimensions construct has statistically significant effect on the Principals' Leadership Effectiveness. Using the path analysis, the Assume Responsibility_ Serve, Take Moral Action and Challenge components were identified as significant predictors of Principals' Leadership Effectiveness, except for Participate in Transformation. According to the structural model, components of Teachers' Followership Dimensions construct explained 35% of the total variance in measuring Principals' Leadership Effectiveness. The study proved that the proposed TFD_PLE model fits the data collected from Malaysian public secondary schools. The findings may serve as a credible reference for both academics and practitioners in guiding them to understand what and how followership dimensions might accelerate the effectiveness of leadership development endeavours. This study makes a significant contribution by attempting to explore a new epoch in the field of educational leadership and management, which may be termed as educational followership.

Keywords: Principals' Leadership Effectiveness, Teachers' Followership Dimensions, structural equation modelling, Malaysian public secondary schools

Hubungan Antara Dimensi Kepengikutan Guru dan Keberkesanan Kepemimpinan Pengetua di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia

ABSTRAK

Bidang kepemimpinan telah menimbulkan minat yang tersendiri kerana pengaruh kemanusiaannya dalam organisasi. Oleh itu, pengukuhan keberkesanan kepemimpinan telah menjadi perhatian utama di semua organisasi, termasuk sekolah. Walau bagaimanapun, banyak laporan menunjukkan bahawa usaha yang lemah dalam pengukuhan keberkesanan kepemimpinan di sekolah mengakibatkan kerugian wang dan bahan sumber, serta kegagalan untuk meningkatkan prestasi pelajar dalam penilaian antarabangsa. Kegagalan dalam organisasi mungkin disebabkan oleh penekanan yang berlebihan terhadap pemimpin tanpa menghiraukan elemen organisasi lain seperti pengikut. Pada hakikatnya, kepemimpinan dan kepengikutan saling melengkapi dalam kejayaan pragmatik sesebuah organisasi. Sayangnya, terdapat sedikit kajian yang mengkaji potensi kesan kepengikutan terhadap keberkesanan kepemimpinan, terutama di sekolah. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara dimensi kepengikutan guru dan keberkesanan kepemimpinan pengetua di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia dengan pendekatan berpusatkan pengikut. Pendekatan tinjauan digunakan dalam kajian kuantitatif ini, di mana data dikumpulkan menggunakan Google Form. Responden dipilih melalui persampelan rawak strata berkadaran dari 43 sekolah menengah kebangsaan di Sarawak. Sebanyak 418 soal selidik yang sah dianalisis dengan perisian statistik IBM-SPSS versi 25.0 dan IBM-SPSS-AMOS versi 24.0. Kedua-dua Analisis Faktor Eksploratori dan Analisis Faktor Pengesahan dilakukan untuk meneroka dan mengesahkan komponen yang mendasari kajian ini. Selepas itu, Model Persamaan Struktural lengkap dilakukan untuk menjawab semua persoalan kajian, menguji hipotesis, dan menilai model yang sepadan dengan data yang diperoleh. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru menilai diri mereka mempunyai tahap tinggi pada dimensi kepengikutan seperti Melaksana

Tanggungjawab, Melayan, Mengambil Tindakan Moral dan Penyertaan dalam Transformasi, tetapi hanya pada tahap sederhana untuk Mencabar. Mereka juga menganggap pengetua mereka mengamalkan ketiga-tiga komponen keberkesanan kepemimpinan pengetua, iaitu Menetapkan Arah, Membangunkan Manusia dan Disposisi Pemimpin pada tahap tinggi. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa dimensi kepengikutan guru mempunyai pengaruh yang signifikan secara statistik terhadap keberkesanan kepemimpinan pengetua. Dengan menggunakan path analysis, komponen Melaksana Tanggungjawab, Melayan, Mengambil Tindakan Moral dan Mencabar telah dikenal pasti sebagai peramal penting bagi keberkesanan kepemimpinan pengetua, kecuali untuk Penyertaan dalam Transformasi. Menurut model struktur, komponen-komponen dalam konstruk Tingkah Laku Kepengikutan Guru menjelaskan 35% dari keseluruhan varians dalam mengukur Keberkesanan Kepemimpinan Pengetua. Kajian membuktikan bahawa model TFD_PLE yang dicadangkan sesuai dengan data yang dikumpulkan dari sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. Penemuan ini dapat menjadi rujukan yang sahih untuk ahli akademik dan pengamal dalam membimbing mereka untuk memahami apa dan bagaimana dimensi kepengikutan dapat mempercepat keberkesanan usaha-usaha dalam pengembangan kepemimpinan. Kajian ini memberikan sumbangan yang besar dengan percubaan menerokai zaman baru dalam bidang kepemimpinan dan pengurusan pendidikan, yang mungkin boleh dikenali sebagai kepengikutan pendidikan.

Kata kunci: *Keberkesanan kepemimpinan pengetua, dimensi kepengikutan guru, model persamaan struktur, sekolah menengah kebangsaan di Malaysia*